

Firma Malaysia teroka pasaran luar negara patut terima ganjaran ekonomi : Dr M Bernama
Jun 18, 2013

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Kerajaan Malaysia patut menimbangkan untuk memperkenalkan manfaat ekonomi kepada syarikat Malaysia yang meneroka pasaran luar negara, untuk terus merangsang sumbangan sektor swasta kepada ekonomi negara.

Dalam membuat saranan itu, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia patut lebih menyokong syarikat tempatan, seperti ia menyokong pelabur asing.

Untuk itu, kata beliau, kerajaan harus memperkenalkan manfaat ekonomi dalam bentuk pengecualian cukai atau insentif kepada syarikat asing yang telah memperkenalkan Malaysia kepada arena perniagaan antarabangsa.

"Selama ini, kita melayan pelabur asing dengan baik, untuk menarik lebih banyak pelaburan terus asing.

"Mengekalkan polisi itu, syarikat Malaysia yang semakin berdaya saing hari demi hari dengan memberikan kepakaran dan perkhidmatan di seluruh dunia, tidak patut dilupakan," katanya pada Forum CEO Yayasan Kepimpinan Perdana 2013 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata perkembangan syarikat Malaysia ke luar negara juga secara tidak langsung membuktikan kejayaan polisi dan program ekonomi yang diperkenalkan dan dilaksanakan oleh kerajaan.

"Mereka (syarikat Malaysia) sebenarnya membuat apa yang pernah dilakukan oleh syarikat Eropah dan Jepun sebelum ini. Mereka adalah simbol inisiatif kerajaan.

"Ini juga adalah tanda bahawa kita menuju dengan cemerlang ke arah Wawasan

2020," kata bekas perdana menteri itu.

Mengenai jika Wawasan 2020 masih boleh dicapai, Dr Mahathir, yang mencetuskan idea itu ketika kepimpinannya, berkata Malaysia tentu akan mencapai Wawasan 2020, bersama-sama dengan status pendapatan tinggi.

Beliau berkata pencapaian ekonomi semasa Malaysia adalah bukti wawasan itu akan dicapai.

"Malaysia sedang membangun. Kita akan mengejar yang lain (Eropah dan Amerika Syarikat) ketika mereka lembap. Jika kita juga lembap, ia tidak akan berjaya.

"Bagaimanapun, pembangunan yang setara antara kawasan bandar dan luar bandar harus dicapai sebelum itu. Jika semua strategi dilaksanakan dengan memastikan kestabilan, saya tidak akan terkejut jika Wawasan 2020 dicapai lebih awal," tambah beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 Yahoo! Asia Pacific Pte Ltd

Source: <http://my.news.yahoo.com/firma-malaysia-teroka-pasaran-luar-negara-patut-terima-125616571.html>